

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penjelasan berkaitan dengan hasil pencapaian pelaksanaan pelan hala tuju Malaysia ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna 2018 – 2030 ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 -2030 baru sahaja diperkenalkan pada 17 Oktober 2018. Bermula pada September 2018, *Working Group on Environmentally Biodegradable and Compostable Plastics Packaging Material* di bawah SIRIM telah menyemak dokumen kriteria ECO 001:2016 *Degradable and Compostable Plastic Packaging Materials* dengan mengeluarkan kategori *photo* dan *oxodegradable* kerana ia dikhuatiri akan menjadi mikro plastik yang akan memasuki rantai makanan dan membahayakan kesihatan. Dokumen yang telah dipinda iaitu ECO 001:2018 kini telah sedia untuk digunakan dan boleh dibeli melalui laman web SIRIM STS bermula 19 Disember 2018.

2. Untuk menyeragamkan pelaksanaan di peringkat negeri, Kementerian telah pun mengadakan sesi libat urus bersama 12 kerajaan negeri dan wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memperkenalkan kutipan caj pencemaran. Susulan daripada sesi libat urus ini, Kerajaan Negeri Selangor, Melaka dan Perlis telah pun menunjukkan kesediaan untuk mengenakan caj pencemaran. Bagaimanapun, kesemua negeri diberi masa sehingga tahun 2021 untuk memulakan pengenaan caj pencemaran kerana ia bergantung pada kelulusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri masing-masing.

3. Selain itu, tiga buah negeri telah memulakan kempen pemberian straw atas permintaan, iaitu di Wilayah Persekutuan (bermula Januari 2019), Kedah dan Pulau Pinang (bermula April 2019). Malah Selangor juga dilaporkan akan mula melaksanakan kempen ini bermula 1 Julai 2019.

4. MESTECC juga telah mengedarkan Surat Pekeliling Am (SPA) kepada semua Kementerian dan agensi Kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan termasuk kepada syarikat berkaitan Kerajaan. Di dalam SPA ini, semua kementerian dan agensi kerajaan perlu mengadakan kempen untuk menghindari plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan termasuklah dengan tidak menyediakan pinggan/piring/mangkuk/cawan/kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik.

5. MESTECC sedar bahawa kempen dan sesi libat urus yang berterusan dengan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan Pelan Hala Tuju ini. Oleh yang demikian, MESTECC dengan kerjasama rakan strategik dari pelbagai kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan akan terus melaksanakan program-program kesedaran awam untuk membudayakan amalan menghindari penggunaan plastik sekali guna.

Sekian, terima kasih.